
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015 / Januari 2016

HKN 506 – KAJIAN SASTERA, MEDIA DAN BUDAYA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Puisi corak (*pattern poetry*) merupakan salah satu bentuk puisi yang popular dalam media baru. Bincangkan persediaan-persediaan yang perlu ada untuk menghasilkan puisi corak dalam media baru. Pada pandangan anda, apakah kelebihan dan apakah pula kekurangan yang wujud antara puisi corak dalam media baru dengan puisi corak yang bercetak?

[100 markah]

2. Menurut Segers (2013), "suatu karya diterima berdasarkan suatu horizon penerimaan tertentu yang diharapkan pembaca."

Merujuk kepada novel *Salah Asuhan* oleh Abdul Moies dan filem "Salah Asuhan" dengan skrip dan arahan Asrul Sani, bincangkan pernyataan di atas dari segi horizon harapan anda setelah menikmati kedua-dua karya tersebut.

[100 markah]

3. Bincangkan teori pascakolonial melalui pendekatan penjajah dengan yang dijajah dengan merujuk kepada cerpen "Kejadian Dalam Estet" oleh Keris Mas.

[100 markah]

4. Bincangkan aspek penggunaan bahasa sebagai strategi menolak hegemoni lelaki dalam novel *Saman* oleh Ayu Utami.

[100 markah]

Bahagian B

5. Dengan merujuk kepada filem "Ganashatru" (1990) arahan Satyajit Ray yang diadaptasi daripada drama Henrik Ibsen bertajuk *An Enemy of the People*, bincangkan bagaimana Ray mengubah drama dengan budaya Eropah itu ke filem berlatarkan masyarakat India.

[100 markah]

6. Pengarang novel dan pengarah filem adalah dua orang seni yang mempunyai wibawa sendiri ketika menghasilkan sesebuah karya. Berdasarkan filem "Raise the Red Lantern" (1992) arahan Zhang Yimou, jelaskan bagaimana pengarah menggunakan elemen-elemen filem untuk menyalurkan interpretasi beliau terhadap novel sandarannya.

[100 markah]

7. Berdasarkan puisi elektronik yang anda tahu, bincangkan ciri-ciri media baru yang terdapat di dalamnya. Jelaskan sejauh mana keberkesanan media baru dalam proses penciptaan dan apresiasi sastera.

[100 markah]